

BAB 1 : KEDATANGAN KUASA BARAT

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK : Campur tangan Kuasa Barat	SK : 7.1 Kedatangan Kuasa Barat	SP: 7.1.2.,7.1.3 & K7.1.6

1. Kemakmuran dan kestabilan negara kita telah menarik kedatangan pelbagai kuasa Barat. Mereka bersaing dan menggunakan pelbagai strategi untuk mendapatkan tanah jajahan. (*ms.2*)
- (a) Huraikan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat di negara kita pada abad ke-20? (6 markah)
- (b) Jelaskan strategi Belanda untuk menguasai negara kita? (6 markah)
- (c) Huraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara. (8 markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK : Campur tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	SK : 7.1 Kedatangan Kuasa Barat	SP: 7.1.1 & K7.1.6

2. Negara kita mempunyai sistem pemerintahan yang stabil hasil kebijaksanaan pemerintah. (*ms.4*)
- (a) Jelaskan peranan pemerintah berikut?
 i. Sultan (3 markah)
 ii. Penghulu (3 markah)
- (b) Huraikan sistem perundangan negara kita. (6 markah)
- (c) Huraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara kita? (8 markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK : Campur tangan Kuasa Barat di negara kita	SK : Kedatangan Kuasa Barat	SP: 7.1.1, & K7.1.5

3. Kemakmuran negara datangnya daripada sumber hasil bumi dan hasil alam yang dimanfaatkan untuk memajukan ekonomi. Selain itu masyarakat bijak mengeksplorasi sumber alam semula jadi untuk memajukan ekonomi dan memakmurkan kehidupan. (*ms.4-7*)
- (a) Jelaskan hasil bumi dan hasil alam yang terdapat di negara kita? (6 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana masyarakat melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan? (6 markah)
- (c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan memanfaatkan sumber kekayaan negara. (8 markah)

PANDUAN PENSKORAN - BAB 1 : KEDATANGAN KUASA BARAT

No. Soalan	Jawapan	Markah
1(a)	<p>Huraikan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat di negara kita pada abad ke-20?</p> <p>F1. Perkembangan revolusi industri kereta api Eropah F2. Kekayaan bahan hasil bumi di tanah Melayu F3. kesuburan tanah F4. Industri mengetin makanan, minuman dan membuat bumbung rumah dan tong minyak F5 Pembukaan Terusan Suez F6. Penciptaan kapal wap F7. Persaingan kuasa Barat F8. Slogan “Beban Orang Putih”</p>	<i>(mana-mana 6x1) (6 markah)</i>
1(b)	<p>Jelaskan strategi Belanda untuk menguasai negara kita?</p> <p>Belanda</p> <p>F1. Serangan Fizikal H1 Portugis dan Belanda menyerang secara fizikal C1. Belanda berperang dengan penduduk Pulau Pangkor, Johor dan Selangor F2. Mengadakan perjanjian H2 Perjanjian dengan Perak , Selangor untuk dapatkan bijih timah F3. Mengadakan pakatan H3. Pakatan dengan Johor untuk kalahkan Portugis di Melaka F4. Perjanjian dengan Inggeris H4. Perjanjian Inggeris-Belanda dimeterai</p>	<i>(mana-mana 6x1) (6 markah)</i>
1(c)	<p>Huraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara.</p> <p>F1. Melahirkan semangat perpaduan H1. Saling bantu membantu C1. Gotong royong F2. mengelakkan pertelingkahan H2. Mewujudkan persefahaman F3. Semangat toleransi dan bantu membantu H3. Menjamin kestabilan sesebuah negara. F4. Menjamin kecekapan serta kelincinan pemerintahan kerajaan. F5. Mewujudkan hak asasi dan kebebasan rakyat. F6. Memelihara pelbagai kaum. F7. Menjamin kerjasama kesepakatan dan keadilan H7. demi kepentingan negara.</p>	<i>(mana-mana jawapan yang munasabah) (8 markah)</i>

No. Soalan	Jawapan	Markah
2(a)	<p>Jelaskan peranan pemerintah berikut?</p> <p>(i) Sultan F1. Sultan atau Raja mengetuai pentadbiran peringkat negeri. F2. Menjadi lambang kedaulatan negeri. F3. Kaum kerabat Di Raja F4. pembesar membantu pentadbiran/melaksanakan perintah Sultan.</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 3 x1)</i></p> <p>(ii) Penghulu F1. Pemerintah Mukim / kampung F2. Kampung unit terkecil dalam pemerintahan masyarakat Melayu. F3. Ketua kampung juga disebut Penghulu atau Penggawa. F4. Menyampaikan arahan daripada raja atau pembesar kepada orang kampung.</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 3 x1)</i></p>	(3 markah)
2(b)	<p>Huraikan sistem perundangan negara kita</p> <p>F1. Terdapat 2 jenis perundangan H1. Undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis (adat). C1. Contoh undang-undang tidak bertulis adalah Adat Perpatih. C2. Contoh undang-undang bertulis adalah Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, dan Undang-Undang 99 Perak.</p> <p>F2. Di Sarawak dan Sabah peraturan hidup dan undan- undang berdasarkan hukum adat H2. Diamalkan secara tradisi turun-temurun melalui kepercayaan suku masing- masing.</p>	<i>(mana-mana 6 x1)</i>
2(c)	<p>Huraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara kita?</p> <p>F1. Mewujudkan keharmonian dan keamanan H1. Saling memahami antara satu sama lain.</p> <p>F2. Lahir semangat tolak ansur dan kebersamaan H2a. Memajukan negara H2b. Menjaga keselamatan negara C2. Memutuskan rantaian wabak Covid-19.</p> <p>F3. Memacu pembangunan ekonomi negara. H3a. Membolehkan rakyat gigih bekerja menyumbang kepada pembangunan ekonomi. H3b. Perkongsian kekayaan sama rata</p> <p>F4. Mengelakkan berlaku jenayah dan perbalahan H4a, Menjamin keselamatan</p>	<i>(mana-mana jawapan yang munasabah)</i>

No. Soalan	Jawapan	Markah
3(a)	<p>Jelaskan hasil bumi dan hasil alam yang terdapat di negara kita?</p> <p>F1. Kekayaan hasil bumi H1 Banyak terdapat di kawasan sungai C1 bijih timah, emas dan perak</p> <p>F2. Pengeluaran hasil hutan C2. Rempah ratus, damar, rotan H2. Sarawak dan Sabah kaya dengan kayu</p> <p>F3. Kaya dengan hasil laut C3 sirip ikan yu, timun laut, rumput laut dan mutiara</p>	(mana-mana 6 x1) (6 Markah)
3(b)	<p>Bincangkan bagaimana masyarakat melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan?</p> <p>F1. Menjalankan aktiviti perdagangan H1 Mempunyai pelabuhan H1a. Pelabuhan terletak di muara sungai yang strategik. C1 Pelabuhan Johor, Kedah, Klang dan Melaka</p> <p>F2. Menjadi pusat pengumpulan barang dari Timur dan Barat C2. Rempah ratus seperti Buah keras, kulit kayu manis, cengklik</p> <p>F3. Menggunakan sistem timbang dan sukat yang sistematik C3. Sukatan kepul, leng, kal, cupak dan gantang</p> <p>F4. Menggunakan mata wang daripada timah dan emas dalam urus niaga C4. Wang emas di Kedah, Kijang di Kelantan dan duit pitih di Terengganu</p> <p>F5. Sistem percuakan sumber pendapatan H5 Cukai perlombongan, pertanian, hasil hutan dan perdagangan H5. Disalurkan untuk kemakmuran negeri</p>	(mana-mana 6 x1) (6 Markah)
3(c)	<p>Terangkan kepentingan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum?</p> <p>F1. Mewujudkan keharmonian dan keamanan H1. Saling memahami antara satu sama lain.</p> <p>F2. Lahir semangat tolak ansur dan kebersamaan H2a. Memajukan negara H2b. Menjaga keselamatan negara C2. Memutuskan rantaian wabak Covid-19.</p> <p>F3. Memacu pembangunan ekonomi negara. H3a. Membolehkan rakyat gigih bekerja menyumbang kepada pembangunan ekonomi. H3b. Perkongsian kekayaan sama rata</p> <p>F4. Mengelakkan berlaku jenayah dan perbalahan H4a. Menjamin keselamatan</p>	(Manfaat jawapan yang munasabah) (8 Markah)